

Varieti benih padi perlu diuji kesesuaian

PETALING JAYA: Varieti benih padi perlu diuji sehingga tujuh tahun sebelum dapat memastikan ia berpotensi untuk ditanam di Malaysia bagi berhadapan dengan isu-isu dihadapi tanaman padi sesuai mengikut kawasan masing-masing.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITA-FoS), Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mohd. Rafi Yusop berkata, pengujian itu perlu dilakukan sebelum disyorkan supaya ia bukan sahaja dapat disesuaikan dengan masalah dihadapi di kawasan itu, tetapi keadaan tanah.

“Ada sebahagian varieti yang boleh ditanam di mana-mana dipanggil varieti yang stabil merentasi kawasan. Ada juga varieti yang boleh ditanam di pelbagai lokasi kerana prestasinya merentasi lokasi.

“Ada sebahagian varieti hanya spesifik khusus untuk kawasan tertentu berdasarkan jenis tanah, lokaliti dan kesuburan tanah.

“Jadi kena buat pengujian sebelum syorkan sebab perlu ambil kira kalau tanah bermasalah seperti asid sulfik, tanah yang masam atau tanah yang selalu banjir,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas varieti apa berpotensi untuk ditanam di Malaysia bagi berhadapan dengan isu-isu padi sesuai mengikut kawasan.